

'Bukan nak marah...'

Pesakit terpaksa bersesak, tunggu lama dapatkan rawatan Klinik Kesihatan Sijangkang

SIJANGKANG - "Pakcik minta kerajaan segerakan pembinaan klinik baharu, selesa sikit untuk pesakit macam umur pakcik ni," itu yang diluahkan pesakit yang mendapatkan rawatan Klinik Kesihatan Sijangkang, Abu Naim Kusnan, 72, ketika ditemui *Sinar Harian*, semalam.

Abu Naim berkata, dia terpaksa berdepan masalah ruang sempit dan tempat menunggu kurang memuasakan setiap kali ke klinik mendapatkan rawatan serta membuat pemeriksaan kesihatan.

"Pakcik datang awal, 8.30 pagi dah ada di sini... tapi sampai jam 10 pun nama tak dipanggil lagi. Bukan nak marah siapa-siapa sebab masalah ni, tapi kalau ada peruntukan buatlah klinik baharu cepat.

"Dengan keadaan macam ni memang tak selesa... orang tua, ibu mengandung, budak-budak terpaksa bersesak-sesak dalam keadaan panas sebab nak dapatkan rawatan," katanya.

Sementara itu, ibu mengandung Siti Zaleha Zurait, 35, berkata, dia sudah biasa dengan keadaan tidak selesa itu sejak mendapatkan rawatan untuk anak sulungnya yang kini berusia tujuh tahun.

"Saya terpaksa hadap sebab ni satu-satunya klinik kalau saya perlu dapatkan rawatan susulan selepas diminta klinik desa berhampiran.

"Ini kandungan saya yang ke tiga, dah enam bulan tapi kena datang juga ke sini. Sebelum jam 9 pagi saya dah sampai tapi sebab dah tahu memang sesak dan kena tunggu lama," katanya yang berharap klinik baharu dibina segera.

Tunggu di kaki lima

Tinjauan *Sinar Harian* ke Klinik Kesihatan Sijangkang, Kuala Langat semalam, mendapati keadaan bangunan untuk pesakit mendapatkan rawatan terlalu sesak dan tidak selesa.



Pesakit terpaksa menunggu di kaki lima sementara nama mereka dipanggil masuk.

Malah, kebanyakan pesakit terpaksa menunggu di kaki lima di luar bangunan untuk mendengar nama dipanggil bagi mendapatkan perkhidmatan di bilik makmal akibat tiada ruang menunggu selesa disediakan.

Berikutan keadaan itu, sebuah klinik bagi penduduk Sijangkang sangat diperlukan memandangkan populasi sudah melebihi 15,000 penduduk.

Difahamkan, orang ramai terpaksa mendapatkan perkhidmatan rawatan pesakit luar di sebuah bangunan balai JKKK di Kampung Sijangkang yang dijadikan klinik kesihatan.

Bagaimanapun, pesakit menghadapi kesukaran mendapatkan khidmat pengangkutan awam seperti teksi kerana kebanyakannya enggan masuk ke kawasan kampung memandangkan tidak berbaloi semata-mata menghantar seorang pelanggan.

Harap berita gembira

Sementara itu, Pengerusi Panel Kesihatan Sijangkang, Abdul Razak Khasbullah berkata, peruntukan Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) nanti diharapkan dapat memberi berita gembira ke-



Sebahagian pesakit menunggu giliran masuk bilik rawatan.

pada penduduk Sijangkang.

Menurutnya, sebelum ini peruntukan sebanyak RM30 juta telah mendapat kelulusan kerajaan.

"Dua tahun lalu, saya dah panjangkan surat permohonan dan dimaklumkan melalui Jabatan Kesihatan Negeri Selangor dan Kementerian Kesihatan bahawa bayaran premium sudah dijelaskan selain permohonan termasuk peruntukan pembinaan diluluskan.

"Saya bimbang jika tak segerakan pembinaan jadi masalah kemudian hari sebab penduduk makin ramai tapi kemudahan tak lengkap dan tak selesa,

"Banyak kali saya datang tengok sendiri... kasihan sebab mereka terpaksa

berpanas, tak ada kerusi nak duduk sementara tunggu giliran," katanya.

Dalam pada itu, Abdul Razak akan menyumbangkan 50 kerusi dan kipas angin untuk digunakan di luar bangunan sementara pembinaan klinik berkenaan siap.

Abdul Razak yang juga Pengerusi Panel Kesihatan Daerah Kuala Langat tidak menafikan Klinik Kesihatan Sijangkang ini menumpang di balai raya JKKK yang dibina pada 1940.

Awal 80-an premis itu diubah suai dan kini dijadikan klinik sementara sehingga mendapat kelulusan kementerian untuk mendirikan sebuah klinik baharu.

REAKSI



"Makcik dah sampai sebelum jam 8 pagi lagi, tapi nak buat macam mana... ni je satu-satunya klinik untuk makcik dapatkan rawatan dan faham sangat dengan keadaannya yang sesak sebab ramai pesakit. Kalau boleh makcik nak la rasa klinik baharu tu."
-Bekas Guru, Saadah Ahmad, 61



"Saya pernah dengar ada yang sampai pengsan sebab tunggu terlalu lama dan panas. Saya harap sangat klinik baharu ada nanti, selesa sikit untuk pesakit yang datang."
-AJK Kelab Warga Emas Sijangkang, Jalani Ahmad, 62



"Akak memang rajin datang sini untuk bantu pesakit, kasihan tengok warga emas atau ibu mengandung ni tunggu lama. Harap sangatlah klinik baharu tu dibina segera dan siap."
-Sukarelawan Komuniti Sihat Perkasia Negara, Zaleha Nordin, 43



Makitangan Klinik Kesihatan Sijangkang sedang memberikan perkhidmatan kepada pesakit di bilik makmal.



Ruang kaki lima antara pilihan pesakit menunggu giliran.